

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OKTOBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 7
SURAT

PuTERA35 pacu agenda ekonomi Bumiputera

11 Sabtu, 11 Oktober 2025

Nasional

PuTERA35 pacu agenda ekonomi Bumiputera

Langkah pastikan lebih ramai usahawan dapat melonjak ke sektor bernilai tambah tinggi



Kuala Lumpur: Agenda ekonomi Bumiputera akan dipacu pendekatan lebih terangkum melalui Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), dengan keutamaan diberi kepada pembiayaan, pembangunan bakat dan pemilihan strategik.

Pemerkasaan agenda PuTERA35 selaku rangka hala tuju negara untuk membangunkan sosioekonomi Bumiputera dalam jangka masa panjang itu, bertujuan memastikan lebih ramai usahawan Bumiputera dapat melonjak ke sektor bernilai

tambah tinggi.

Selaras usaha itu, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan terus melabur ke arah pembangunan ekonomi Bumiputera sambil memacu pertumbuhan inklusif untuk semua.

Melalui itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan akan menyediakan RM40 juta bagi mempercepat proses peningkatan skala syarikat Bumiputera berpotensi tinggi.


Beliau berkata, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) akan membangunkan syarikat pelaburan sehingga dapat disenaraikan dan diambil alih oleh PNB, susulan penyatuannya bersama Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)

di bawah Yayasan pelaburan Bumiputera (YPB), manakala PHB akan memperkukuh pemilihan strategik Bumiputera dalam hartanah dan perniagaan utama.

"Kerajaan juga mengambil langkah yang belum pernah dilakukan sebelum ini dengan menambah tanah Rizab Melayu seluas 50 ekar (lebih 20 hektar) di Bandar Malaysia. PETRONAS selaku pemilik tanah Bandar Malaysia sedang merencana pelan pembangunan dan akan memulakan fasa pembangunan menjelang akhir 2026."

"Mengetahui Lapangan Terbang Subang dan kawasan sekitar yang strategik untuk industri aeroangkasa, projek pembesaran hendaklah diterajui Kerajaan dan GLC bagi memastikan kepentingan nasional dan penyertaan Bumiputera diutamakan," katanya.

"Pada masa sama, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) akan menyediakan RM20 juta untuk program pembiayaan mikro bagi pesara, memperkasa keusahawanan di pe-



Pembangunan sekitar Lapangan Terbang Subang akan diterajui Kerajaan dan GLC bagi memastikan penyertaan Bumiputera diutamakan. (Foto hiasan)

ringkat komuniti," katanya.

Peluang pendidikan Bumiputera juga diberi keutamaan dalam konteks ekonomi, dengan peruntukan keseluruhan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Peneraju dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjumlah RM6 bilion.

Bantu usahawan Bumiputera

Perdana Menteri berkata beberapa langkah disenarai dalam usaha menyokong kelangsungan usahawan Bumiputera, termasuk menyediakan peruntukan RM24 bilion khusus untuk kontraktor kelas G1 hingga G4 Bumiputera.

Daripada RM30 bilion jaminan kerajaan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan

Berhad (SJPP) pula, katanya RM10 bilion dikhususkan untuk menyokong usahawan Bumiputera, manakala Program Jaguh Serantau SME Bank menyediakan pinjaman RM200 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera untuk menembusi pasaran eksport.

Program Penskalaan Usahawan Bumiputera MARA juga menyediakan RM100 juta bagi menyokong pertumbuhan syarikat mula niaga dalam sektor strategik bernilai tinggi, manakala RM10 juga disediakan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi meningkatkan daya saing usahawan Bumiputera khususnya kontraktor muda industri pembinaan.